




DALAM CATATAN: SAMUDERA BAHASA MELAYU YANG AKAN PUPUS...

**1**

Ratasan tahun bahasa ibu kita menjadi *lingua franca* yang kita megahkan. Dari barat ke timur, dan dari timur ke barat, ahli pelayaran yang singgah di ribuan pulau Nusantara Melayu Raya atau 'the Malay Archipelago' mengungkapkan bahasa Malayo atau bahasa Melayu untuk difahami oleh para pedagang tempatan dan luaran.

Ungkapan tersebut tidak semestinya tersusun dan gramatis, tetapi tentulah cukup untuk difahami sebagai medium komunikasi bagi keperluan pertukaran dan urusan jual beli barang. Jejak bahasa Melayu yang ramah ini tentulah terus dipelajari di Lesboa, Inggeris, Belanda, Selon, Tanjung Pengharapan, Hong Kong, Tokyo, Beijing, dan kota-kota pelabuhan dunia yang lain, Vasco da Gama, Alfonso de Albuquerque, dan Marco Polo ikut memanfaatkan bahasa ini. Seorang nakhoda, kelasi, perajurit, pendakwah agama, dan pengarang ikut menggunakannya. Ya, bahasa Melayu sebagai *lingua-franca*.

Lingua franca yang tidak gramatis itu diubah mengikut peraturan ketatabahasaan dan langgam bahasa Melayu baku dalam

perutusan surat-menyurat. Surat-menyurat Kesultanan Aceh pada abad ke-16 kepada Raja Inggeris menggunakan tulisan Melayu-Jawi dengan segala rasa bangga Melayunya. Tidak ada masalah terjemahan kepada bahasa Inggeris diperlukan bagi mengiringi surat khas dari Istana Aceh itu. Kalangan istana yakin bahawa ada bijak pandai bahasa Melayu di London yang akan memahamkan isi kandungan surat tersebut. Kita pasti bahawa surat-surat Raja Melaka, Palembang, Sambas, Pasai, dan Kepulauan Riau yang sampai ke negara sahabat yang bukan berbahasa Melayu tentulah dalam tulisan Melayu Jawi yang sama. Sikap memuliakan bahasa Melayu dalam tradisi persuratan yang agung ini pastilah didorong oleh sikap berdiri sama tinggi, duduk sama rendah, sama berdaulat sama sedarjat. Rasa hormat tersebut dianggap sebagai buhul kepada kemuliaan bahasa Melayu.

2

Kronologinya amat panjang kalau mahu diikuti. Cukuplah jika bermula dengan semangat Kongres Persuratan Melayu 1956 yang menemukan kesimpulan bahawa bahasa Melayu sebagai tunjang bahasa kebangsaan, dan dinobatkan Pendeta Za'ba

sebagai pendeta ulung bahasa Melayu. Kongres tersebut juga menjadi simbol kejayaan perjuangan hampir 30 badan-badan persatuan Melayu. Guru-guru Melayu, wartawan, nasionalis, buruh dan petani yang memancang badan-badan bahasa ini. Mereka yang berjuang untuk bahasa dan sastera Melayu. Mereka daif dan melarat, tetapi idealisme mereka ialah untuk sahsiah, jati diri dan kemerdekaan tanah air. Mereka yang menggerakkan kongres yang bersejarah itu.

Mencontohi Indonesia, maka disarankan Dewan Bahasa dan Pustaka ditubuhkan bagi memelihara persuratan Melayu klasik dan mendorong penciptaan karya baharu, dan menerbitkan buku-buku kreatif dan bukan kreatif, di samping menggalakkan bakat-bakat baru. Kementerian Pelajaran yang dipimpin oleh Tun Abdul Razak Husin ketika itu tampil dengan Penyata Razak 1956 bagi menyusun sistem pendidikan berapsirasikan kebangsaan. Maka diwujudkan Sekolah Rendah Kebangsaan (SRK) dan Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (SRJK) dengan sukatan pelajaran menjurus kepada cita-cita kebangsaan supaya tidak lagi berkiblat kepada benua China, Selan atau India. Buku-buku teks mestilah memancarkan cita-cita kebangsaan. Apa yang dirumuskan oleh Penyata Razak itu berbunyi "tujuan" akhir dasar pendidikan ini ialah untuk menyatukan budak-budak daripada berlainan bangsa ini di bawah sistem pendidikan kebangsaan dengan menggunakan bahasa kebangsaan sebagai bahasa pengantar. Walau bagaimanapun, kemajuan ke arah ini hendaklah dilaksanakan secara berperingkat dan tidak boleh dipaksa secara mendadak. Ini bermakna bahawa bahasa Inggeris, Melayu, Mandarin dan Tamil dipertahankan di sekolah. Akta 152 dalam perlembagaan juga secara sah menyatakan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua. Secara idealnya, diharapkan dalam tempoh 10 tahun, bahasa Melayu boleh menggantikan bahasa Inggeris sebagai bahasa rasmi yang tunggal.

Idealisme ini bukanlah mudah untuk dipraktikkan. Igauan ini menjadi igauan ngeri. Jika Persatuan Guru-guru Melayu Semenanjung tidak menggugat mahu meninggalkan UMNO secara beramai-ramai, maka Sekolah Menengah Melayu tidak menjadi kenyataan. Datuk Muhammad Noor Ahmad sebagai Presiden Guru-guru Melayu merupakan tokoh yang meletakkan Songkok Pendeta kepada Za'ba sudah mencatatkan sejarah yang gemilang. Mahulah saya berkongsi sejarah SITC bertukar menjadi MPSI pada 1957 apabila guru-guru pelatih dari sekolah Melayu mula diberikan pembelajaran akademik pada tingkat LCE-Type yang mengikuti sukatan pelajaran tingkatan LCE dalam bahasa Melayu seluruhnya kecuali bahasa Inggeris selama dua tahun. Guru-guru yang mendidik aliran pertama ini terdiri daripada guru-guru yang lulus Maktab Kirkby dan Brinsford Lodge. Mengam idea ini mencabar kerana pada waktu itu, mereka banyak menggunakan buku teks LCE dalam bahasa Inggeris. Buku teks yang ada dalam bahasa Indonesia, misalnya dalam mata pelajaran Sejarah, ikut digunakan. Mereka layak menerima kursus perguruan untuk tempoh tiga tahun selepas lulus dalam tempoh dua tahun. Maktab Perguruan Sultan Idris juga menerima calon guru daripada pelajar aliran Inggeris yang lulus LCE, FMC atau Senior Cambridge. Jadi, guru-guru pelatih aliran Melayu ikut berasosiasi dengan rakan mereka dari aliran Inggeris. A.Wahab Ali, Muhammad Ali Majid dan saya sendiri ikut mengalami perubahan ini pada tahun 1958. Seolah-olah kami ini sebagai batu ujian, dan rintisan cita-cita akademik dalam bahasa kebangsaan inilah yang diteruskan oleh Kementerian Pelajaran ketika sekolah menengah dalam pengantar bahasa Melayu diwujudkan. Usaha dua tahun pertama yang dilakukan di MPSI itu berbuah kejayaan. Maka bermulalah kemasukan guru-guru dari Indonesia untuk mengajar mata pelajaran Matematik dan Sains di Sekolah Menengah Melayu bagi mengatasi kekurangan guru-

guru. Sekolah Menengah Alam Shah, Sekolah Menengah Dato' Abdul Razak dan Sekolah Menengah Tuanku Abdul Rahman (STAR), merupakan antara sekolah yang menjadi perintis aliran kebangsaan ini.

3

Apabila tahun 1966 tiba, banyak ketempatan yang harus dihadapi. Minggu dan Bulan Bahasa Kebangsaan yang diadakan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka tidak cukup untuk menampung persediaan untuk mewibawakan bahasa Melayu. Adanya saja helah dan tingkah dari pihak yang menentang pelaksanaan bahasa Melayu sama ada dalam medium keilmuan hingga ke peringkat universiti. Dewan Bahasa dan Pustaka berjaya mencipta istilah keilmuan dalam semua jurusan keilmuan. Ribuan istilah dicipta dan cuba dimanfaatkan. Namun, pimpinan di atas tidak sepenuhnya mendukung ciptaan istilah tersebut, sebaliknya mempersendakannya dan turut menjadi mainan oleh pihak tertentu.

Dewan Bahasa dan Pustaka menemukan cabaran dalam sejarah kebangkitan pendaualan bahasa dan penerbitan buku-buku teks untuk sekolah rendah, menengah dan juga pada peringkat universiti. Tetapi, bukanlah mudah untuk meyakinkan SRJK untuk menukarkan sikap kepada "mencintai" bahasa kebangsaan. Sekolah Rendah Kebangsaan pula belum mesra rakyat yang terdiri dari pelbagai kaum. Ada nada politik yang melenting bagi mempertahankan bahasa ibunda masing-masing. Semua sikap negatif yang sejalar dengan cita-cita politik keagamaan dan perkauman itu akhirnya menyebabkan apa yang dihasratkan melalui Penyata Razak dan Penyata Rahman Talib mulai merekah dan sobek. Sobek-sobek inilah yang sempat merasuk ke dalam tulisan kreatif sasterawan tanah air:

*"Bangsaku, baju sejarah telah koyak
Bulan sahsiah sudah terbelah
Tengkolok dirobek tikus-tikus hutan
Destar disalut lumpur liat pekat
Melaka hilang hikmah hilang paruh*

*Baju sejarah telah koyak
Bulan sahsiah terbelah sudah
Roh kembali lagi, dari
Perbenturan langit dan bumi.*

(Surat Wasiat, Kemala)

*Aku tahu, aku tahu
Rakis dan Sejarah Melayu bangkit lagi
Aku tahu, aku tahu
Racun dan madu
Di pangkal lidah ibu.*

(Di Sri Begawawan Bertemulah Pengiran Sarmayuda Dengan Pendita Za'ba..., Kemala)

*Ada serigala lapar di muka
Harimau ganas kanan dan kiri
Anjing-anjing galak mengendap
Dan musuhmu terlalu dekat.*

(Kewaspadaan, Baha Zaini)

*Akta disita tanpa usul bicara
Maka bahasa dipanggang sang dalam
Maka bangsa ditikam dari belakang
Penutupnya binasa nasionalisme.*

(Binasa Bahasa Kerana Bangsa, Ramlee Wahab)

*Bahasa itu ibundaku
Tiada gantinya buatnya.*

*Bahasalah alir rasaku
Bahasalah alun fikirku
Dan sosok watak bangsaku.*

*Bahasa itu ibundamu,
Dan ibundamu
Sekiranya dia dibunuh
Zuriatmu juga akan dikuburkan bersamanya.*

(Bahasa Itu Ibundamu, Muhammad Haji Salleh)

4

Perjuangan untuk mendaulatkan bahasa kebangsaan seolah-olah dari sebelah pihak rakyat Melayu kelas bawahan sahaja. Para pemimpin sendiri memilih aliran Inggeris untuk anak-anaknya, yang berada lalu mengirimi anak-anaknya ke tanah Inggeris, Eropah, Australia atau Amerika Syarikat. Aliran agama pula cenderung untuk mengirimi anak-anaknya ke Mesir, Jordan dan Arab Saudi. Kalangan yang bukan Melayu terus membina tembok "Berlin" dan "Tembok China" agar anak-anaknya tidak didominasi oleh aliran Sekolah kebangsaan yang kian daif. Jika ada anak-anak bukan Melayu yang belajar di sekolah

kebangsaan pun, hanya dapat dikira dengan jari. Lambat laun, hilanglah wibawa, hanyutlah idealisme yang timbul hanya sengketa "perkauman" dan "politik sempit". Yang terkulai tentulah bahasa Melayu yang menjadi medium sekolah kebangsaan.

Air sungai yang keruh ini akhirnya mendaratkan wabak dahsyat yang bersifat perkauman. Jurang ekonomi tidak setimpal. Bahasa Melayu tidak diberikan kekuatan dan nilai ekonominya. Bahasa Inggeris dan Mandarin menampakkan taringnya.

5

Dalam tahun 70-an, Tun Razak sekali lagi tampil membetulkan keadaan. Dari MAGERAN (Majlis Gerakan Negara) dan kembali semula kepada pemerintahan Demokrasi Berpartimen, cita-cita penyatuan bagi melahirkan Negara Bangsa yang bernaung dengan bahasa kebangsaan dan Dasar Ekonomi Baru (DEB) itu pun terkial-kial hendak dilaksanakan. Dengan dasar kebangsaan, golongan menengah Melayu dapat dilahirkan dan banyak profesor dalam aliran sains dan matematik. Tetapi sanggahan yang anti kepada sistem kebangsaan yang jaya ini berubah lagi dengan semangat hanya bahasa Inggeris sahaja yang boleh menjadikan Malaysia dan negara bangsanya seimbang dan bersaing maju dengan bangsa Barat, Korea dan Jepun. Semangat Jepun diuar-uarikan dimulai dengan Dasar Pandang Ke Timur. Jepun maju dalam semua aspek teknologi, sains dan dagangnya, begitu juga dengan Korea. Anak-anak Melayu terutamanya wajar disimbah dengan semangat ini.

Perdana Menteri yang 'ambisius' seperti Dr Mahathir Mohamad dengan Wawasan 2020 masuk ke era baru menuju negara perindustrian

berat. "Malaysia Boleh" menjadi slogan yang merata menggelodak semangat rakyat. Anak-anak dilatih di Jepun dengan semangat dan budaya kerja Jepun. Tetapi, di manakah matlamat Wawasan 2020 itu sekarang? Berjayakah Wawasan 2020 itu? Getgelam timbul dasar pendidikan negara. Kini, sekolah kebangsaan berpedan pula dengan dasar DLP lanjutan daripada PPMI untuk memajukan sains dan matematik. Kononnya, bahasa Melayu tidak layak untuk menjadi bahasa ilmu. Kita ketinggalan jauh di belakang kononnya kerana penguasaan bahasa Inggeris sebagai medium ilmu sains dan teknologi tidak dikuasai. Sekolah kebangsaan menjadi bahan tawa bangsa lain. Mereka menolak bulat-bulat DLP. Mereka mahu bahasa ibunda menjadi medium untuk ilmu sains dan matematik. Tetapi Sekolah Kebangsaan menerima eksperimen baru ini.

Eksperimen demi eksperimen. Setiap Menteri Pelajaran yang baru, masing-masingnya bercita-cita mahu meninggalkan Penyatannya masing-masing di tengah umbang-ambing Dasar Pelajaran Kebangsaan yang dimulakan oleh Tun Razak dan Rahman Talib. Maka, kini dasar yang kacau itu kian memperlemah bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu. Inginlah kita bertanya pada pihak Dewan Bahasa dan Pustaka. Berapa juta naskah buku Sains dan Matematik yang terperosok di gudang buku? Apa jadinya dengan buku-buku ini? Adakah dijual lambak, dilupuskan atau dicampakkan ke Sungai Klang? Bahasa Melayu sebagai Bahasa Kebangsaan sah tercatat dalam Akta 152 Perlembagaan Malaysia. Di tangan pemimpin alpa ikut membunuh bahasa ibunya. Hilang sahsiah, hilang jati diri. ■



SUSASTERA DA IOWA

OLEH | Nisah Haron
(yang mewakili Malaysia ke International Writing Program, Iowa, Amerika Syarikat 2015)



FESTIVAL KEINTELEKTUALAN DIRAIKAN DENGAN TENANG

“Sepanjang festival, buku-buku dijual dengan harga biasa dan tiada kedai buku atau gerai pameran yang menawarkan diskaun. Kesedaran harta intelektual dan rasa hormat terhadap buku dan pengarang amat tinggi. Harga buku ialah maruah pergarangnya. Andai buku itu terasa mahal boleh dipinjam dari perpustakaan.”

— Nisah Haron (*Berita Harian*, 10 Oktober 2015)

Perkataan 'pesta' di Malaysia masih membawa kepada hal-hal bersifat populis - riuh-rendah dan suka ramai. Lantaran boleh dikatakan mana-mana pesta buku di Malaysia menawarkan banyak lambakan, termasuklah lambakan buku, lambakan bunyi bising, dan lambakan diskaun untuk menarik pembaca umum datang berbondong-bondong.

Dalam Pesta Buku Antarabangsa Kuala Lumpur 2017 (PBAKL), dibawakan pula lambakan penulis dengan mengadakan “Perhimpunan 1,000 Penulis” dengan objektif yang kurang

jelas tetapi masih lagi mengambil semangat 'lambakan' serta populariti sebagai subteksnya. Tidak cukup dengan itu, hal-hal lambakan makan pula mengelilingi kawasan persekitaran pesta.

Kemeriahan yang sedemikian jarang terjadi di luar negara. Di mana-mana pesta buku dunia, urusan niaga berlangsung dengan tenang. Pertemuan sesama penulis, sesama ejen persuratan, atau penulis-pembaca tidak memerlukan suasana hiruk-pikuk. Semuanya teratur dan penuh adab.

Festival Buku Iowa City hanya berlangsung selama tiga hari pada awal bulan Oktober. Lokasinya di kawasan Pedestrian Mall, sebuah medan terbuka yang bebas kenderaan berhampiran dengan bangunan Perpustakaan Awam Iowa City. Gerai-gerai kecil didirikan



Poster Festival.

serupa dijual sepanjang tempoh pesta berlangsung. Sekiranya ada penulis yang memperkatakan bukunya, buku-buku itu akan dijual oleh wakil penjual dengan harga yang tanpa diskaun.

Andai mahu membeli buku murah, ada kedai buku terpakai di sini dengan nama The Haunted Bookshop. Di Iowa Books juga terdapat buku yang sudah dibeli pelajar kemudian dijual semula. Biasanya, buku-buku yang menjadi teks kesusasteraan dijual begini. Selebihnya, kawalan terhadap harga buku dan rasa hormat terhadap harta intelektual

Sesi forum sedang berlangsung.

dengan meja-meja di lapik kain-kain biasa tetapi susunan buku dibuat secara kreatif bagi menarik minat pengunjung.

Harga bukunya sama, sebagaimana harga buku itu dijual di kedai-kedai buku utama di Iowa City seperti di Kedai Buku Prairie Lights atau Iowa Books. Harga yang

pengarang ialah sesuatu yang berada di kelas yang tersendiri. Budaya begini terasa masih jauh sekiranya dibandingkan dengan tempat kita.

Pesta Buku Iowa City turut menawarkan sesi-sesi forum yang menampilkan penulis-penulis setempat. Pesta ini sengaja dibuat pada musim luruh (dahulunya pada musim panas) dengan kehadiran para penulis IWP dari serata dunia untuk menjadikan pesta ini bersifat antarabangsa. Sesi sidang selari berlangsung sepanjang hari sehingga secara peribadi, saya berasa 'mabuk' dan 'tamak' untuk mendengar kesemuanya. Bukan mudah untuk mendengar perkongsian penulis yang di luar lingkungan kesusasteraan kita.

Terdapat pelbagai isu yang diketengahkan sepanjang program ini, antaranya:

- TERJEMAHAN** - Menulis dalam bahasa 'kecil' menjadikan kita akrab dengan karya terjemahan. Menulis dalam bahasa 'besar' pula menjadi suatu keistimewaan dan berpengaruh. Pengalaman kolaborasi penulis-penterjemah



Sesi Nisah Haron.



Sara Baume - Ireland


dalam memberikan yang terbaik menerusi medium bahasa. Kirill Azernyi (fiksyen, Russia), Aki Salmela (penyair, penterjemah, Finland), dan Yao Feng (penyair, penterjemah, Macau) dari IWP, berbicara bersama-sama Riley Hanick (jurnalis, penterjemah) tentang bagaimanakah terjemahan memberikan kelainan kepada karya.

- b) **POTRET DIRI** - Yu-Mei Balasingamchow (fiksyen dan non-fiksyen, Singapura) dan Sara Baume (fiksyen, Ireland) IWP berbicara dengan Vu Tran dan Cate DiCharry membincangkan suara dan personaliti pengarang dalam karya dan bagaimanakah mereka mengasingkan diri peribadi daripada karya.

- c) **MENULIS UNTUK PEMBACA MUDA** - Bagaimanakah penulis

'dewasa' berhubung dan jurang, mencari diksi te tema untuk pembaca m dalam masa yang sama kebebasan untuk berim dengan rasa penuh tang António Xerxesky (fik dan penterjemah, Braz; Haron (fiksyen dan non-penterjemah, Malaysia) Ly (penulis skrin, Kamp IWP berbicara bersama Manaster dan Sarah Pri

Selain itu, terdapat isu seperti politik, teknologi, ke dan peranan tempat/masya yang memberikan pengaruh penulisan masing-masing. Pi untuk masyarakat seperti "Library" juga mendapat per tempatan yang berhasrat ur membudayakan buku untuk

Sebelum berkemas unt buku-buku yang tidak habis semula dalam kotak masing tidak pula dilelong kerana r buku tidak akan basi sepert Buku yang belum terjual ak dengan pembacanya pada k lebih sesuai. 

Antara jadual Festival.

Panel: Writing for the Younger Self

Panel: Writing for the Younger Self. The panel will explore the challenges of writing for a younger audience in a world where the internet and social media have changed the way we read and write. Panelists will discuss their experiences of writing for young people and the importance of finding a voice that resonates with them. The panel will be moderated by Sarah Baume.

Theatre Across Borders

Theatre Across Borders. A panel discussion on the challenges of translating and adapting theatrical works across different cultures and languages. Panelists will discuss their experiences of working with translators and the importance of finding a way to preserve the spirit of the original work while making it accessible to a new audience.

02:30 PM

03:00 PM

